

Perbincangan gabung MCA, Gerakan, SUPP selepas Oktober
Malaysian Insider
July 21 , 2013

Berikutan prestasi buruk pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), Gerakan, MCA dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) bercadang untuk bergabung sebagai sebuah parti berasaskan kepentingan kaum Cina.

Pemangku Presiden Gerakan, Datuk Chang Ko Youn, berkata ia akan dilakukan selepas pemilihan parti dengan ketiga-tiga parti itu kekal bersama Barisan Nasional (BN).

"Saya bersama-sama Presiden MCA, Datuk (Seri) Chua Soi Lek dan Presiden SUPP, Datuk (Seri) Peter Chin sudah berbincang hal ini beberapa kali kebelakangan ini.

"Bagaimanapun, keputusan hanya akan dibuat selepas semua parti memilih kepimpinan baru masing-masing. Mungkin selepas Oktober," kata dipetik dari Mingguan Malaysia, hari ini.

MCA ialah parti berasaskan kaum Cina semata-mata tetapi Gerakan dan SUPP mempunyai ahli secara minoriti dari etnik lain.

"Tumpuan sekarang kepada MCA dan Gerakan untuk menyelesaikan isu dalaman masing-masing. Untuk menubuh parti baru bukan mudah dan ia bukan soal MCA masuk Gerakan atau Gerakan masuk MCA," katanya.

Beliau berkata, penggabungan ketiga-tiga parti itu seterusnya harus mengguna pakai konsep keahlian semua kaum berikutan ahli Gerakan dan SUPP terdiri dari pelbagai kaum.

Ini bermakna, katanya, MCA harus melakukan perubahan.

"Ada syaratnya. MCA mesti meminda perlembagaan parti dari berasaskan kaum kepada pelbagai kaum. Kemudian, barulah isu lebih terperinci sebagai sebuah parti," kata Chang.

Selasa lalu, Naib Presiden MCA, Datuk Donald Lim yang mengakui tahu mengenai perbincangan dengan Gerakan dan SUPP, yakin BN hanya ada satu parti Cina sebelum PRU14.

Gerakan dan MCA akan mengadakan pemilihan parti pada 26 Oktober dan 21 Disember manakala pemilihan bagi SUPP dijangka berlangsung pada 2014.

Chang berkata, isu penggabungan Gerakan dan MCA sudah kedengaran sejak 1980-an tetapi kedua-dua parti tidak pernah mencapai persetujuan bersama. - 21 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-gerakan-supp-mungkin-bergabung-oktober-ini>

